

AL-HIKMAH

Jilid 9 ISSN 1985-6822 2017
No. 1 1438

- ANALISIS AWAL PEMILIHAN JODOH KAUM LELAKI DI KOTA BHARU, KELANTAN ...3-24
Abdul Munir Ismail & Muhamad AR
- HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN PENGETUA DAN KEPUASAN KERJA KAKITANGAN KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA ...25-32
Zaizul Ab. Rahman & Qurratu Ain Rapihi
- KESAN FILEM SERAM TERHADAP PEGANGAN AGAMA: SUATU TINJAUAN LITERATUR ...33-48
Siti Aisyah Hadi Munir @ A. Hadi & Muhammad Faisal Asha'ari
- ANALISIS TERHADAP TAHAP-TAHAP KETAGIHAN MENURUT TEORI AL-'ISHQ IBNU QAYYIM AL-JAWZIYYAH ...49-59
Abdul Wahab Md. Ali
- PENGHAYATAN AGAMA ISLAM DALAM KALANGAN BIDAYUH MUSLIM SARAWAK ...60-79
Roziah Binti Chek & Jaffary Bin Awang
- TRANSFORMASI HUBUNGAN KEKELUARGAAN SAUDARA KITA DARI SUDUT AKHLAK SELEPAS MEMELUK ISLAM DI JOHOR ...80-109
Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit
- BAHASA DA'I DALAM KOMUNIKASI DAKWAH KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI ...110-127
Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Haji Aini
- GERIMIS: PENGGUNAAN FILEM TAN SRI P. RAMLEE SEBAGAI KAJIAN KES DALAM KURSUS KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) ...128-140
Selvarani P. Kovil Pillai
- KESEDARAN AGAMA DI KALANGAN BELIA DI DESA KEDA SADEK, KUPANG, KEDAH: SUATU KAJIAN TINJAUAN LITERATUR...141-158
Muhammad Khairul Azhar Ghazali & Nur 'Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah
- SUMBANGAN SHAYKH MUIM AL-WAHHAB DALAM BIDANG POLITIK DI BESILAM LANGKAT... 159-172
Zikmal Fuad & Abdul Ghafar Don
- BOOK REVIEW: ARCHAEOLOGY & WORLD RELIGION... 173-179
Badlihisham Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don, Gan Wei Nie, Ismah Shamirah Ismail, Nur Amira Mohd Zailani & Raja Puteri Nurul Affiqah Raja Ahmad

Analisis Awal Pemilihan Jodoh Kaum Lelaki di Kota Bharu, Kelantan

An Early Analysis of The Selection of Soulmates Among Men in Kota Bharu,
Kelantan

ABDUL MUNIR ISMAIL
MUHAMAD AR

ABSTRAK

Kebebasan golongan lelaki memilih pasangan hidup yang sesuai dan serasi adalah suatu persoalan yang rumit. Mereka perlu memilih pasangan yang ideal dan sesuai menurut syariat Islam. Ini kerana perkahwinan adalah bersifat kekal dimana suami isteri tidak boleh bertukar-tukar pasangan. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan kaedah memilih jodoh berpandukan saranan Rasulullah SAW agar memilih pasangan berasaskan kekayaan, keturunan, kecantikan dan agama. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 178 responden lelaki belum berkahwin di sekitar Kota Bharu. Hasil kajian mendapati majoriti kaum lelaki Kota Bharu berminat memilih sendiri calon pasangan hidup berbanding jodoh ditentukan oleh ibu bapa. Diikuti wanita yang berpegang kepada agama menjadi keutamaan. Seterusnya wanita bersifat keibuan, kecantikan, keturunan, taraf pendidikan, kehidupan bermasyarakat, berharta, berasal dari negeri Kelantan dan berstatus anak duda. Responden percaya bahawa pemilihan calon isteri berasaskan kepada syariat Islam akan memberi kesan terhadap kerukunan rumahtangga.

Kata kunci: Jodoh, agama, rumahtangga, bahagia, saranan agama.

ABSTRACT

The liberty that men has in selecting their suitable and right soulmates is something that is not easy to be done. They need to select some ideal partners who meet the Islamic syariah compliance. This is important because marriage is a form and recognized union of a man and a woman as partners in a kind of relationship that lasts forever. The purpose of this research is to discuss methods of selecting soulmates based on the criteria that the Prophet PBUH has underlined wealth, ancestry, beauty and religion. This study used a quantitative method with questionnaires as instruments distributed to 178 unmarried (bachelor) men in Kota Bharu. The findings showed that majority of the men in Kota Bharu liked to select their own partners or soulmates compared to relying on the selections made by the parents (arranged marriage). In terms of the criteria in selecting the women, majority

of the men selected women who are religious as the first criterion and followed by those who are motherly, pretty, possess good background, educated, able to live in the community, wealth, originally from Kelantan and lastly they should be single. Respondents believe that the soulmate selection that is based on the Islamic syariah compliance would give good effects on the marriage.

Keywords: soulmate, religion, marriage, happiness, syariah compliance.

PENDAHULUAN

Pemilihan jodoh bagi seorang lelaki yang berhasrat untuk mendirikan rumahtangga adalah suatu yang perlu dibincangkan secara teliti supaya masing-masing pasangan dapat melahirkan rumahtangga yang bahagia. Ini kerana kebebasan golongan lelaki memilih pasangan hidup yang sesuai dan serasi adalah suatu persoalan yang rumit di samping memerlukan perancangan yang teliti sebelum memilih jodoh pasangan hidup. Konsep perkahwinan adalah bersifat kekal dimana suami isteri tidak boleh bertukar-tukar pasangan (Muhammad Nasiruddin, 2002).

Memilih pasangan hidup yang soleh dan solehah serta membentuk pasangan suami-isteri yang sesuai dengan tuntutan Islam merupakan tanggongjawab yang sangat besar dalam membantu proses pendidikan Islam kepada anak-anak. Sebaliknya kegagalan memilih pasangan yang sekufu adalah salah satu punca kegagalan melahirkan zuriat yang bertaqwah Allah SWT. Apapun percanggahan yang berlaku dalam kehidupan suami-isteri akan memberi kesan secara langsung ke atas pendidikan anak-anak dan jiwa mereka. Ekoran dari itu, sebahagian daripada sifat-sifat buruk akan diwarisi oleh anak-anak.

Oleh kerana itu, dalam urusan pemilihan jodoh, Rasulullah SAW memberi panduan kepada kaum lelaki tip-tip mencari pasangan yang sesuai menurut syariat Islam. Berdasarkan satu hadith dinyatakan sebagai berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: تُنْكِحُ الْمُرْأَةَ لِأَرْبَعٍ مَا لَهَا وَلِحَسْبِهَا وَلِجَمَاهِلَهَا وَلَدِينِهَا فَإِظْفِرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرَبُّثُ يَدَاكَ . (رواه البخاري)

Maksudnya: “Dinikahi seseorang wanita kerana empat perkara: kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya, dan agamanya. Maka pilihlah yang beragama, nescaya engkau akan beroleh keuntungan.”

(Sahih al-Bukhari)

Dalam hadith tersebut, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa terdapat empat asas pada calon isteri iaitu wanita berharta, wanita keturunan baik-baik, wanita cantik dan wanita mempunyai pegangan agama. Dalam urusan pilih jodoh Rasulullah SAW menyarankan memilih wanita beragama supaya beroleh kebahagiaan kepada keluarga yang bakal dibina nanti. Kemuliaan seseorang wanita dapat dinilai melalui aspek agamanya serta nilai agama yang diamalkan dalam kehidupannya. Sebaliknya calon isteri yang dipilih berdasarkan kecantikan semata-mata akan lenyap apabila umur meningkat tua. Jika dipilih berdasarkan harta, harta akan berkurang jika tidak diuruskan dengan baik. Oleh kerana itulah, aspek agama menjadi keutamaan dalam membuat pemilihan pasangan hidup.

PERNYATAAN MASALAH

Pembentukan sesebuah keluarga bahagia bermula melalui proses pemilihan pasangan yang baik. Oleh itu pemilihan pasangan hidup tidak boleh dilakukan dengan tergopoh gapah malah mestilah berhati-hati dengan meneliti calon isteri dari pelbagai aspek. Menurut Muhammad Ali Quthb (2008), menjelaskan pemilihan jodoh amat penting diberi keutamaan dengan meneliti calon pasangan dalam pelbagai aspek. Ini kerana kebahagian mendirikan rumahtangga yang berterusan adalah bergantung kepada keserasian, saling memahami peranan dalam mengemudikan rumahtangga mereka dibawah satu bumbung. Proses memilih pasangan berdasarkan syariat Islam adalah sangat penting untuk mendirikan rumahtangga yang akan menghasilkan kebahagiaan dan keharmonian hakiki.

Masalah keruntuhan rumahtangga sering kali disiarkan oleh media massa. Ada pasangan yang berusia setahun jagung mendirikan rumahtangga berakhir dengan perceraian. Perkara ini terjadi kerana tiada perancangan yang mantap sebelum memasuki alam rumahtangga termasuklah dalam aspek pemilihan jodoh sebagaimana yang digariskan oleh Islam. Sebagai contoh, statistik menunjukkan kadar perceraian di negeri Kelantan mutakhir ini meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya. Jumlah perceraian tahun 2007 ialah 2,257 meningkat 9 kes menjadikan jumlah perceraian 2,266 tahun 2008. Seterusnya meningkat tinggi kepada 212 kes menjadikan jumlah perceraian 2,478 tahun 2009. Secara keseluruhan kes perceraian bagi tiga tahun berturut-turut adalah meningkat dengan jumlah 7,001 kes.

Perkara	Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	JUMLAH
Pernikahan	17,201	14,699	15,322	47,222
Perceraian	2,257	2,266	2,478	7,001

Sumber: JAKIM, Statistik Pernikahan dan Perceraian 2010

Shamsul Munir Safini melaporkan dalam Harian Metro, 17 Feb 2011, suami membela isteri depan dua anak sehingga menyebabkan kecederaan pada isterinya. Ini adalah sebahagian daripada berita yang dilaporkan oleh media berikutan kegagalan para suami mengendali rumah tangga dengan sempurna. Dilaporkan kes penderaan terhadap isteri sangat membimbangkan sebagaimana yang berlaku pada 17 Februari 2011, wanita ditendang oleh suami sehingga patah pinggang kerana tidak memenuhi permintaan suami meminta wang untuk membeli dayah. Perkara ini berlaku disebabkan kurangnya pengetahuan suami tentang pengamalan agama Islam yang mantap. Disamping itu, kurangnya peranan suami memahami tanggungjawab terhadap keluarga, suami terlalu sosial mengikut hawa nafsu sehingga isteri menjadi mangsa kepada mereka yang bergelar suami.

Di samping itu, kebanyakan ibu bapa sekarang mengahwini anak gadis mereka semata-mata kerana mas kahwin yang ditawarkan adalah tinggi. Menurut Wan Rahimah (2012), ibu bapa tidak mengambil kira pendapat anak-anak sama ada mereka terima atau tidak. Perkara ini akan menyebabkan keruntuhan rumah tangga si anak jika persefahaman tidak dapat diwujudkan. Gaya remaja kini terlalu memilih untuk mendapat pasangan yang cukup sempurna. Mereka meletakkan harapan yang terlalu tinggi terhadap pasangan sehingga tidak realistik. Hal ini terjadi kerana memandangkan arus perkembangan yang terlalu pesat menyebabkan pemilihan calon pasangan hidup bukan hanya berlandaskan syariat Islam. Persoalannya, adakah calon pasangan hidup yang dipilih dapat memberi kebahagiaan dalam rumah tangga dan adakah calon yang dipilih benar-benar memenuhi kriteria yang diidamkan. Sedangkan tidak mudah untuk mendapatkannya kerana tidak ada manusia yang sempurna dari pelbagai aspek. Akibatnya, bagi mereka yang terlalu memilih ada di antaranya membujang hingga akhir hayat. Kajian ini penting kerana ia akan memberi panduan tentang faktor yang diambil kira oleh masyarakat Kota Bharu dalam memilih calon sebagai pasangan hidup samada lelaki maupun perempuan. Selain itu juga, kajian ini dapat menyedari bahawa keruntuhan institusi kekeluargaan yang semakin meruncing adalah kerana cara pemilihan pasangan yang kurang tepat. Jumlah perceraian bagi tempoh tiga tahun tersebut ialah 7,001 kes dan pada pandangan pengkaji fakta ini adalah suatu yang amat membimbangkan.

KAJIAN LITERATUR

a. Harta

Ramai orang beranggapan bahawa memiliki harta kekayaan adalah matlamat hidup. Harta bukanlah segala-galanya dapat memberi kebahagian

dalam kehidupan seseorang. Namun begitu, dalam urusan pemilihan jodoh, faktor pemilikan harta pada seseorang juga penting kerana dikira sebagai suatu jaminan mencapai kebahagiaan dalam kerukunan rumahtangga. Harta merupakan alat menyempurnakan kehidupan. Mustafa Daud (1989) menerangkan bahawa aspek berkemampuan dalam bidang ekonomi menjadi salah satu syarat mengharuskan seorang lelaki untuk berkahwin. Demikian juga wanita berharta adalah lambang kemuliaan seorang calon isteri. Ini kerana wanita berharta lazimnya dapat membantu suami meringankan beban dalam mencari nafkah. Di samping tidak bersikap tamak dengan harta yang dimiliki, sentiasa bersyukur dengan hartanya. Rasulullah SAW sendiri telah berkahwin dengan seorang janda kaya iaitu Siti Khadijah. Perkahwinan Nabi bukanlah atas dasar harta semata-mata, tetapi kerana agama dan budi pekerti Siti Khadijah yang ikhlas. Begitu juga dengan Siti Khadijah berkahwin dengan Rasulullah SAW adalah kerana agama dan akhlak Nabi yang terpuji.

b. Keturunan

Keturunan yang dimaksudkan dalam hadith di atas adalah kemuliaan. Ada juga pendapat mengatakan keturunan merujuk kepada tingkah laku terpuji yang dimiliki oleh sesuatu keturunan. Wanita yang memiliki nasab baik sesuai dinikahi bagi menjaga zuriat keturunan. Jika terdapat wanita memiliki nasab yang baik, namun kurang berpegang kuat pada agamanya, adalah lebih baik ditolak calon isteri tersebut. Pilihlah perempuan yang kukuh agama walau pun tidak memiliki nasab yang baik. Pemilihan calon isteri dari kalangan wanita bukan kaum kerabat persaudaraan adalah digalakkkan. Muhammad Nasiruddin (1997) berpendapat pilihlah yang berketurunan mulia bertujuan untuk mengembangkan masyarakat di samping menyambung silaturahim serta mengeratkan hubungan sesama manusia. Juga untuk mengelakkan sikap casabiyyah dalam kehidupan bermasyarakat. Rasulullah tidak menggalakkan umat Islam berkahwin sesama kaum kerabat. Sabda Baginda SAW:

لَا تَنَاهُوا عَنِ الْقِرَابَةِ فَإِنَّ الْوَلَدَ يَخْلُقُ وَاضِيَا. (رواه البخاري)

Maksudnya: “*Janganlah kamu berkahwin dengan sanak saudara kerana ia akan melahirkan anak yang berbadan kurus, lemah dan kurang mampu berfikir*”. (Hadis Riwayat Bukhari)

Abdul Munir Ismail (2014) menjelaskan akhlak mulia seorang muslim mencerminkan peribadi dan pembentukan akhlak mulia adalah diajar oleh ibu bapa yang mempunyai pegangan agama yang mantap dalam kehidupan berkeluarga. Wanita yang memiliki budi pekerti, bermaruah, sopan santun diibaratkan sebagai berlian yang berkilauan pada hiasan pakaian. Shaleh

Ghonim As-Sadlani, (1993) mengatakan keturunan keluarga yang baik ditafsirkan sebagai calon isteri yang solehah. Salsilah keturunan amat penting diselidiki bertujuan untuk menghindari daripada tersalah memilih keturunan tidak baik seperti berpenyakit keturunan, gila, sopak dan sebagainya. Keluarga baik akan melahirkan keluarga yang bahagia dan aman damai. Mustafa Al-Khin Et. Al. (2005) mengatakan keluarga calon isteri kategori orang kuat beribadat, lazimnya calon isteri juga kuat beribadat. Perkara ini berlaku di antara Rasulullah dan Sayyidah Fatimah. Rasulullah bersabda:

إِنْ فَاطِمَةَ بُضُوعَةُ مَنِيٍّ.

Maksudnya: “*Sesungguhnya Fatimah itu merupakan sebahagian dariku*”.

Abd. Jalil Mohd Hassan (1993), menjelaskan aspek calon isteri berpotensi melahirkan zuriat yang ramai juga penting dalam membuat pemilihan jodoh. Anak merupakan aset penting sebagai penyumbang kepada kebahagiaan rumah tangga, sebagai pengikat kasih sayang antara pasangan yang berharga kepada kedua ibu bapa. Perkara ini digalakkkan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya yang menceritakan sebagai berikut. Suatu ketika seorang sahabat Nabi datang berjumpa Rasulullah SAW lalu berkata:

“*Wahai Rasulullah, aku mencintai seorang wanita, dia berketurunan dari keluarga yang baik, berkedudukan dan berharta, tetapi dia mandul*” Lelaki tersebut mengulang soalan yang sama sebanyak tiga kali, lalu Rasulullah bersabda:

تَنَاهُوا تَنَاسِلُوا فَإِنِّي مُكَاذِرُ بَكُمُ الْأُمَمِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: “*Kamu kahwinilah perempuan yang penyayang dan boleh melahirkan anak yang ramai kerana aku bangga dengan umatku yang ramai di akhirat kelak.*”

Abdul Raof Dalip, (1995) mengatakan aspek kedudukan dan pangkat calon isteri perlu diambil kira dalam pemilihan jodoh seseorang. Dalam hal ini Rasulullah SAW menerima penolakan seorang wanita bernama Barirah untuk berpisah dengan suaminya yang merupakan seorang hamba sedangkan Barirah sudah merdeka. Sabda Rasulullah bermaksud:

“*Wahai Abbas, tidakkah kamu kagum dengan kecintaan Mugith terhadap Barirah dan kebencian Barirah kepada Mugith? Alangkah baiknya jika Barirah menerima Mugith kembali.*” Kata Barirah: “*Ya Rasulullah, adakah kamu menyuruh aku berbuat demikian?*” Jawab Baginda: “*Aku hanya mahu membantu.*” Lalu Barirah menjawab: “*Kalau begitu aku tidak lagi memerlukannya*”.

Berdasarkan maksud hadith, dapatlah digambarkan bahawa Rasulullah SAW tidak memaksa seorang wanita yang mempunyai kedudukan dan berpangkat menerima lelaki yang rendah martabatnya sebagai suami. Hal ini dibimbangi berlaku nusyuz terhadap suami sedangkan nusyuz adalah satu perkara yang sangat dimurkai oleh Allah SWT.

c. Kecantikan

Menurut Syeikh Ali Hassan, (1991) calon isteri yang cantik adalah suatu impian dan idaman orang lelaki. Kecantikan rupa paras adalah bergantung pada pandangan seseorang. Maksud kecantikan adalah merujuk perkara yang disukai oleh seorang lelaki kepada calon isteri. Sifat cantik seorang wanita adalah terletak kepada pengamalan agamanya. Ini kerana wanita yang memiliki sifat terpuji adalah wanita cantik pada zahir dan batin. Justeru, orang lelaki hendaklah memilih wanita yang beragama berbanding dengan ciri-ciri lain kerana agama menjadi panduan dalam segala aspek berkaitan dengan urusan hidup. (Mustafa, 1995). Rasulullah SAW memberi panduan dalam memilih calon isteri sebagai pasangan hidup. Sabda Baginda yang bermaksud:

لَا تزوجو النساء لحسنهن أَن يردهن ولا تزوجهن لأموالهن فعسى أموالهم أَن تصعبين ولكن
تزوجوهن على الدين ولأمة سوداء ذات دين أفضل.

Maksudnya: "Janganlah kamu menikahi perempuan kerana kecantikannya, barangkali kecantikan wanita membinasakan mereka dan jangan kamu nikahi mereka kerana harta benda, barang kali harta benda akan membuat mereka melampaui batas tetapi nikahilah mereka kerana agama. Sesungguhnya budak perempuan yang hitam yang komitmen terhadap agama adalah lebih."

Walaupun begitu, ia merupakan tarikan awal bagi golongan lelaki atau pun perempuan. Hal ini diakui oleh Rasulullah dalam sabdanya:

إِذَا حَطَبَ أَحَدُكُمْ امْرَأَةً فَإِنِ اسْتَطَاعَ أَنْ يَنْتَظِرْ مِنْهَا إِلَى بَعْضٍ مَا يَدْعُوهُ إِلَى نِكَاحِهَا فَلْيَفْعُلْ

Maksudnya: "Apabila seseorang daripada kamu mahu meminang seseorang perempuan, maka kalau boleh baiklah ia lihat dari hal yang boleh menarik hati untuk berkahwin dengannya."

Seorang lelaki digalakkan memilih wanita cantik kerana secara tidak langsung akan menjaga tingkah laku suaminya daripada tertarik kepada wanita yang lain. Di samping dapat melahirkan suami isteri yang

syukur terhadap kecantikan yang dikurniakan oleh Maha Pencipta. Rasulullah SAW mengakui bahawa aspek kecantikan penting dalam pemilihan jodoh dan pembinaan sebuah rumah tangga yang dinamik. Dalam hal ini, Rasulullah SAW membuat keputusan dengan memutuskan ikatan perkahwinan seorang sahabat di atas dasar buruk rupa paras. Ibnu Abbas RA meriwayatkan satu hadith yang bermaksud:

“Wahai Rasulullah, aku tidak akan bersatu dengannya (suami) buat selama-lamanya. Sesungguhnya apabila aku menyelak sebahagian khemah, aku melihat dia dalam satu kumpulan. Aku dapati dia salah yang paling hitam, paling pendek dan paling hodo mukanya dalam kumpulan itu”. Suaminya berkata: “Wahai Rasulullah, aku telah memberikan kepadanya (isteri) sebaik-baik harta iaitu sebuah kebun lalu dia memulangkan kembali kepadaku”. Sabda Rasulullah kepada perempuan itu, “Apa pandangan kamu?” Lalu dia menjawab, “kalau dia mahu, aku boleh tambah lagi.” Maka Rasulullah memisahkan keduanya.

Hadis tersebut menunjukkan bahawa kecantikan memainkan peranan utama dalam penerimaan terhadap pasangan. Aspek kecantikan juga menjadi salah satu penyebab kepada perceraian diantara suami isteri. Justeru, pemilihan jodoh yang cantik di mata seorang lelaki menjadi asas kebahagiaan rumah tangga yang bakal dibina supaya tidak berlaku perceraian.

d. Agama

Menurut Wahbah al-Zuhaily, (1989) pegangan agama yang kuat merupakan tunjang kepada pembinaan institusi rumah tangga yang direhsti dan berharga dari perspektif Islam. Wanita yang teguh pegangan agamanya tidak akan melakukan perkara yang mencemarkan suami dan perkara yang ditegah oleh Allah SWT seperti nusyuz terhadap suami. Bahkan isteri yang taat kepada Allah berusaha menasihati suaminya ketika terlalai daripada mengingati Allah. Akhlak mulia yang ditunjukkan oleh isteri mencerminkan peribadi wanita solehah. Kesannya wujud kerukunan dalam rumah tangga (Hidayatullah, 2006). Secara fitrah manusia suka kepada kebaikan, keindahan, ketenangan dalam hati. Namun begitu, tidak semua manusia mendapat kenikmatan secara berterusan. Terdapat isteri yang diuji Allah dengan kelakuan suami yang kurang taat perintah Allah SWT. Isteri haruslah bersabar dengan karenah suami dan berusaha mengajak suami ke jalan yang benar. Inilah peranan isteri yang mempunyai pegangan agama dan akan mendapat tempat yang terpuji di sisi Allah SWT. Wahbah al-Zuhaily, (1989) menjelaskan Islam menekankan bahawa penting memilih calon isteri yang berpegang kuat kepada agama supaya dapat membimbing pasangannya untuk mencapai keredaan Allah SWT. Maka beruntunglah lelaki yang

memilih calon isteri yang berbakti kepada agamanya. Isteri solehah bukan sahaja dapat menyempurnakan tugasnya kepada suami, malahan menguruskan hal ehwal mendidik anak dengan baik, menjaga hubungan dengan keluarga suami dan jiran tetangga. Rasulullah SAW bersabda dalam hadithnya:

خَيْرُ النِّسَاءِ مَنْ تَسْرِفُ إِذَا أُبْصِرَتْ وَتَطْبِعُكَ إِذَا أُمْرِتْ وَتَحْفَظُ غَيْبَكَ فِي نَفْسِهَا وَمَالَكَ.

Maksudnya: “Sebaik-baik perempuan itu ialah yang menyukakanmu apabila engkau melihat dia dan taat kepadamu apabila engkau perintah dia dan memelihara kehormatan dirinya dan bertanya pada waktu engkau tiada di rumah.” (Al-Tabrani)

Berdasarkan maksud hadith di atas dapat difahamkan bahawa pemilihan calon isteri berasaskan kepentingan agama, akan mendapat keuntungan. Keuntungan di sini ialah suatu keadaan yang boleh disifatkan sebagai keluar daripada kemiskinan. Agama kekal berpanjangan, akhlak terpuji dipraktikkan dalam hidup. Hubungan cinta dan kasih sayang berkekalan.

Ibnu Hajar (2008) menjelaskan maksud perkataan (تربيت يداك) adalah merujuk kepada kedua tanganmu menjadi berdebu. Ini adalah doa Rasulullah SAW kepada kaum lelaki yang memilih isteri berdasarkan aspek yang dianjurkan. Sementara itu Ibnu al-cArabi mentafsirkan istilah (تربيت)

(يداك) adalah merujuk kepada maksud menjadi kaya. Al-Qurtubi berkata, maksud hadith tersebut menjadi satu motivasi kepada kaum lelaki untuk menikahi seorang perempuan. Kaum lelaki diharuskan berkahwin bagi mendapat empat perkara tersebut dan mengutamakan calon wanita yang berpegang kuat kepada agama Islam. Kesannya akan mendapat kebahagian dunia dan akhirat kelak.

Berdasarkan perbincangan di atas dirumuskan bahawa ajaran Islam menganjurkan supaya lelaki yang bercadang untuk berkahwin agar memilih wanita yang baik agama dalam urusan rumahtangga. Nabi SAW memberi panduan dalam pemilihan jodoh. Memilih calon isteri yang mempunyai agama akan mendapat keluarga yang bahagia, anak yang soleh, direhái Allah, ibu bapa seterusnya keluarga yang harmoni. Baginda menganjurkan umatnya memilih calon isteri memiliki pegangan agama yang mantap bagi mewujudkan rumahtangga yang bahagia. Ada pun kekurangan rupa, harta dan keturunan itu akan disempurnakan oleh agama. Kemuliaan seseorang wanita dapat dinilai melalui aspek nilai agama yang diamalkan dalam kehidupannya. Oleh kerana itu, aspek agama menjadi keutamaan dalam membuat pemilihan pasangan hidup.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan, pengkaji menggunakan metode kajian perpustakaan sebagai landasan teori yang diperolehi daripada bahan rujukan sejumlah buku-buku ilmiah. Seterusnya digunakan kaedah kajian lapangan iaitu kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada masyarakat Islam di Kota Bharu. Kajian ini dilakukan di kawasan bandar Kota Bharu dan pinggir bandar yang melibatkan 178 responden lelaki belum berkahwin. Instrumen kajian mencakupi aspek mekanisma mendapatkan jodoh, kriteria memilih pasangan berdasarkan faktor harta, keturunan, kecantikan, agama, kenegeriaan, status perkahwinan, sifat keibuan dan etika dalam pergaulan. Dalam aspek analisis data, kajian ini menggunakan kaedah deskriptif untuk mengenalpasti kaedah, ciri-ciri serta kesan pemilihan jodoh yang ideal dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Bharu. Penggunaan SPSS versi 7.0 turut digunakan bagi memudah dan mempercepatkan proses menganalisa data.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Mekanisma Kaedah Mendapatkan Jodoh

Masa kini terdapat pelbagai mekanisma kaum lelaki mendapatkan jodoh. Antara kaedah popular digunakan oleh kaum lelaki dengan memilih sendiri calon isteri yang berkenan dihati. Kaedah ini lazimnya sesuai bagi pasangan yang memiliki umur sebaya. Bagaimanapun, sebaik-baik memilih pasangan hidup, hendaklah mendapat restu dan keredaan kedua-dua ibu bapa dan keluarga serta dipersetujui oleh kedua-dua bakal pengantin itu. Keredaan ibu bapa bererti keredaan Allah s.w.t. Kaedah mendapatkan jodoh menggunakan ibu bapa sebagai orang tengah adalah satu kaedah amat sesuai bagi masyarakat Melayu mencari jodoh. Seterusnya kaedah menggunakan rakan terdekat yang terdiri daripada lelaki atau wanita bagi menyampaikan hasrat untuk berkahwin kepada bakal calon isteri. Kaedah lain termasuklah mencari jodoh melalui internet, menerima calon isteri yang diwasiatkan dan menerima wanita yang menawarkan diri untuk berkahwin.

Jika diteliti mekanisma kaum lelaki di Kota Bharu mendapatkan jodoh paling popular ialah kaedah memilih sendiri calon isteri dengan mencatatkan min tertinggi iaitu min=4.2022, berbanding dengan menggunakan kaedah menerima pilihan ibu bapa dengan min=2.9494. Pengkaji berpendapat kaum lelaki lazimnya ingin melihat kecantikan rupa paras wanita, mengenali hati budi, tutur bicara dalam situasi yang berulang kali adalah mendorong wanita tersebut dipilih sebagai calon isteri. Diikuti oleh menerima wanita yang menawarkan diri untuk sebagai isteri dengan

kedudukan min=2.6626. Dalam kajian ini skor min paling rendah ialah min=1.4494 dalam aspek mencari jodoh melalui program yang dianjurkan oleh sebarang badan kebaikan. Min kedua terendah iaitu pada min=1.9101 terhadap aspek tidak berminat mencari pasangan melalui internet samada facebook mahupun twitter kerana cara ini sukar untuk menilai calon isteri. Pengkaji berpendapat perkembangan alat telekomunikasi moden masa kini seperti telefon mudah alih, facebook, twiter dan sebagainya kurang membantu pasangan muda mudi mencari sendiri jodoh yang berkenan di hati masing-masing. Mekanisme ini dianggap kurang popular dalam kalangan kaum lelaki di Kota Bharu mencari jodoh. Berikut dinyatakan seperti di Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Mekanisme Mendapatkan Jodoh di Kota Bharu

BIL	ITEM	MIN
1.	Saya lebih suka memilih sendiri calon pasangan hidup saya.	4.2022
2.	Saya lebih suka meminta ibu bapa carikan jodoh untuk saya	2.9494
3.	Saya lebih suka meminta rakan saya tolong carikan pasangan kepada saya.	2.3708
4.	Saya lebih suka mencari jodoh melalui internet.	1.9101
5.	Saya lebih suka menerima calon isteri yang diwasiatkan.	3.3820
6.	Saya bersedia menerima wanita yang menawarkan diri untuk berkahwin.	2.6629

Berpandukan Jadual 1, kaum lelaki lebih berminat mencari sendiri calon isteri tanpa campur tangan oleh pihak lain termasuk ibu bapa sendiri. Kajian menunjukkan kaum lelaki berusaha sendiri mendapatkan jodoh ideal sesuai dengan kemampuan dan ciri-ciri yang diinginkan. Perubahan masa dan teknologi moden menyebabkan masyarakat memilih sendiri pasangan hidup. Cara ini lebih mesra mengenali pasangan dengan lebih dekat. Responden juga tidak berminat mendapatkan jodoh melalui internet, yang merupakan salah satu laman mencari jodoh tanpa melihat secara realiti calon isteri. Kebarangkalian lebih tinggi kepada golongan lelaki tertipu terhadap gambar calon isteri yang dimuat turun laman sosial dan mengakibatkan salah andaian seperti ragu status gadis, janda atau pun ibu tunggal.

Kriteria Pemilihan Jodoh

Kriteria pemilihan jodoh yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah keutamaan kaum lelaki menentukan calon isteri yang terbaik berdasarkan faktor calon isteri yang kaya, berharta, berdarjat tinggi. Memiliki harta

kekayaan adalah salah satu syarat untuk membina rumah tangga bahagia. Jika dilihat pada Jadual 2 menunjukkan taburan min pemilihan jodoh berdasarkan faktor harta pada min=2.4101 adalah menunjukkan min yang paling rendah iaitu dalam aspek memilih pasangan yang sudah mempunyai kereta. Manakala min=2.6461 menunjukkan responden lebih suka memilih pasangan yang tidak mempunyai tanggungan seperti adik yang masih belajar. Pada min=2.7147 menunjukkan mereka memilih perempuan yang mempunyai ibu bapa yang berada dan pada min=3.5169 adalah menunjukkan mereka memilih pasangan yang mempunyai ekonomi yang stabil untuk dijadikan pasangan hidup. Min yang paling tinggi adalah pada min=3.6124 menunjukkan responden amat tertarik kepada calon isteri yang mempunyai pekerjaan kerana dapat membantu meringankan bebanan suami mencari nafkah. Keadaan harga barang masa kini yang meningkat menyebabkan suami dn isteri perlukan pekerjaan.

Berdasarkan Jadual 2 di bawah, disimpulkan bahawa kaum lelaki di Kota Bharu lebih suka memilih calon yang mempunyai pekerjaan dan ekonomi stabil daripada mempunyai kenderaan sendiri seperti kereta dan sebagainya. Manakala calon isteri yang tidak mempunyai ekonomi yang stabil iaitu pada min = 3.5169. Ini kerana ekonomi stabil menunjukkan kehidupan berumahtangga lebih terjamin serta dapat mengelakkan daripada pergaduhan di antara suami isteri.

Jadual 2 Kriteria memilih pasangan berdasarkan faktor harta.

BIL	ITEM	MIN
1.	Saya memilih bakal isteri yang mempunyai ibu bapa ada harta benda.	2.7247
2.	Saya memilih pasangan yang tidak mempunyai tanggungan lain seperti adik yang masih belajar.	2.6461
3.	Saya memilih pasangan yang mempunyai ekonomi stabil.	3.5169
4.	Saya memilih pasangan yang memiliki pekerjaan.	3.6124
5.	Saya memilih pasangan yang sudah mempunyai kenderaan sendiri.	2.4101

Jadual 3 Kriteria memilih pasangan berdasarkan faktor keturunan

BIL	ITEM	MIN
1.	Saya lebih suka jika pasangan saya anak tunggal.	2. 4382
2.	Saya suka pasangan yang mempunyai adik beradik yang ramai.	3.7528
3.	Saya tidak berminat memilih pasangan dari keluarga terdekat.	3.0618

- | | | |
|----|--|--------|
| 4. | Saya berminat memilih pasangan dari ahli keluarga yang kuat beribadat. | 3.1404 |
| 5. | Saya berminat memilih pasangan yang terdiri daripada ahli keluarga yang baik . | 4.7528 |

Manakala Jadual 3 di atas menunjukkan taburan min pemilihan jodoh berdasarkan faktor keturunan bagi masyarakat di Kota Bharu. Manakala min yang paling tinggi iaitu min= 4.7528 pada item memilih pasangan yang mempunyai ahli keluarga yang baik dengan kata lain tidak bertengkar sesama keluarga. Maksud ahli keluarga yang baik ialah terdiri daripada orang yang berilmu, berakh�ak mulia, **tidak ingkar untuk membayar hutang, belajar Al-Quran dan mengajar** kepada orang lain, suami yang bertanggungjawab terhadap keluarganya, keluarga yang sering memberi sedekah makanan, berbaik sesama jiran. Demikian juga responden memilih calon isteri yang mempunyai adik-beradik yang ramai merupakan min kedua tertinggi. Antara kelebihan memilih calon isteri mempunyai adik beradik yang ramai ialah terutama bagi perempuan dimana boleh dijadikan sahabat paling baik dan boleh diharapkan untuk melindungi dan membantu ahli keluarga selain daripada ibu bapa pasangan suami isteri. (Harian Metro, Khamis, 30 Oktober 2014, Ruangan Keluarga).

Selain itu, dapat berinteraksi sesama ahli keluarga yang besar dan menggalakkan hubungan yang positif. Lazimnya keluarga yang ramai kurang terlibat dalam permasalahan konflik, sebaliknya mereka lebih mudah bertolak ansur, bertoleransi dan saling bekerjasama. (Kitzmann, Cohen, and Lockwood, (2002). Min yang paling rendah dalam aspek memilih pasangan berdasarkan faktor keturunan adalah pada min=2.4382 yang mana suka memilih pasangan yang merupakan anak tunggal dan min kedua terendah adalah pada min=3.0618 yang mana mereka tidak suka memilih pasangan yang mempunyai hubungan keluarga dekat. Pada min=3.1404 pula menunjukkan mereka lebih suka memilih calon isteri yang mana tidak mempunyai hubungan kerabat dengan keluarga. Islam menggalakkan umatnya berkahwin dengan bakal isteri yang bukan daripada keluarga terdekat. Tujuannya ialah dapat mengembangkan zuriat, melahirkan anak-anak yang sihat, bertenaga, cantik dan pintar. Selain itu, menghubungkan kekeluargaan dan mengukuhkan ikatan persaudaraan Islam. Hikmah larangan berkahwin keluarga terdekat ialah akan melahirkan anak-anak yang tidak sihat dan lembab otak. Kenyataan ini berdasarkan satu hadis Nabi SAW yang bermaksud “Janganlah kamu nikahi wanita-wanita kerabat terdekat, maka sesungguhnya anak yang bakal lahir nanti berakh�ak lemah fikiran dan akal.”

Oleh itu, disimpulkan masyarakat Kota Bharu lebih berminat memilih pasangan yang mempunyai sejarah keluarga yang baik serta mempunyai adik-beradik yang ramai berbanding wanita anak tunggal. Mungkin responden inginkan anak yang ramai hasil daripada perkahwinan yang bakal dibina bersama bakal isteri mereka pada masa hadapan.

Jadual 4: Kriteria memilih pasangan berdasarkan faktor kecantikan

BIL	ITEM	MIN
1.	Saya memilih calon isteri yang cantik dimata saya.	4.7247
2.	Saya memilih pasangan yang sempurna anggota tubuh badan.	3.7921
3.	Saya memilih pasangan yang suka berfesyen dan memakai alat kecantikan.	2.8989
4.	Saya memilih calon yang lebih rendah ketinggiannya berbanding saya.	3.0056
5.	Saya suka pasangan saya yang sederhana dalam berhias.	3.9494

Manakala Jadual 4 pula menunjukkan ciri-ciri pemilihan jodoh masyarakat Kota Bharu dalam aspek kecantikan di mana pada min yang paling rendah iaitu min=2.8989 menunjukkan mereka suka memilih perempuan yang suka berfesyen sebagai isteri. Responden memilih calon isteri yang memiliki ketinggian lebih rendah daripada lelaki adalah pada min=3.0056. Manakala responden yang memilih calin isteri yang sempurna anggota tubuh badan adalah pada min=3.7921 dan pada min= 3.9494. Dapatkan menunjukkan responden lebih berminat terhadap calon isteri yang menggunakan alat mekap serta berhias secara sederhana sahaja dan min yang paling tinggi iaitu pada min= 4.7247 adalah menunjukkan responden memilih calon isteri yang kelihatan cantik di hati responden. Kenyataan ini selaras dengan satu hadis Nabi SAW yang bermaksud "**Jika memandangnya (isteri), membuat suami menjadi tenang.**" (Hadis Riwayat Abu Daud dan Al Hakim). Secara logiknya wanita yang memiliki wajah menarik, bentuk tubuh badan yang ideal dan memperagakan pakaian yang sederhana adalah merupakan suatu daya penarik kepada lelaki di Kota Bharu.

Secara keseluruhan hasil kajian menunjukkan minat responden dalam memilih wanita cantik sebagai isteri menunjukkan min yang tinggi. Ini kerana fitrah manusia yang sukakan kecantikan sebagai faktor utama. Walaupun begitu, responden lebih berminat terhadap calon isteri yang

kelihatan cantik dipandang berbanding wanita yang gemar memakai pakaian fesyen terkini. Kenyataan ini sesuai dengan firman Allah swt:

Maksudnya: “*Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliyah zaman dahulu.*”

(Surah Al-Ahzab 33:33)

Jadual 5 : Kriteria memilih jodoh berdasarkan faktor agama

BIL	ITEM	MIN
1.	Saya memilih pasangan yang taat kepada Allah dan Rasul serta ibu bapa.	4.9494
2.	Saya memilih pasangan yang mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan.	4.8427
3.	Saya suka pasangan saya mendalami ilmu agama.	4.8596
4.	Saya memilih pasangan yang pandai dalam selok belok al-Quran.	4.8427
5.	Saya memilih bakal isteri yang menutup aurat dengan sempurna.	4.7697

Jadual 5 menunjukkan kriteria pemilihan isteri bagi masyarakat Kota Bharu dalam aspek keagamaan. Hasil kajian menunjukkan majoriti kaum lelaki di Kota Bharu memilih wanita yang berpegang teguh kepada agama dengan skor min tertinggi iaitu pada min=4.9494, iaitu calon isteri yang taat kepada Allah, Rasul dan juga ibu bapa. Pemilihan calon isteri yang taat kepada Allah, Rasul dan kedua ibu bapa adalah selaras dengan Hadis Nabi yang bermaksud pilihlah wanita yang menjaga agama (Islam) kerana dia akan menjaga kamu. Ini kerana kebahagian dan kerukunan rumahtangga adalah bergantung kepada pasangan suami isteri yang saling taat kepada suruhan agama. Min kedua tertinggi iaitu pada item responden menyukai pada calon isteri yang sentiasa mendalami ilmu agama iaitu pada min=4.8596. Antara kelebihan para isteri yang mendalami ilmu agamanya ialah dapat mengenalpasti jalan yang lurus dan jalan yang sesat. Allah membuka pintu kebaikan yang banyak seperti hati sentiasa tenang, bersyukur dengan nikmat Allah walaupun disempitkan harta benda. Hal ini berdasarkan satu hadis Rasulullah SAW yang bermaksud sesiapa yang dikehendaki Allah mendapat kebaikan yang banyak, maka akan diberi kefahaman mendalam tentang agamanya. Manakala pada item suka kepada calon isteri yang pandai membaca al-Qur'an dan mengamalkan nilai-nilai Islam di dalam kehidupan menunjukkan pada min yang sama iaitu min=4.8427 dan min yang paling rendah adalah menunjukkan pada item suka pada pasangan yang menutup aurat dengan sempurna dengan min=4.7697. Amalan menutup aurat dalam

kalangan wanita masa kini dilihat sebagai suatu gaya hidup memperagakan pakaian dan tudung kepala. Namun, amalan menutup aurat wanita dengan sempurna iaitu menepati syariat Islam dilihat masih menjadi keutamaan lelaki di Kota Bharu.

Oleh itu, dapatan menunjukkan lazimnya wanita yang berpegang teguh kepada agama iaitu yang taat kepada Allah, Rasul dan ibu bapa mendominasi dipilih sebagai isteri. Walaupun begitu, memilih wanita yang menutup aurat dengan sempurna adalah pada min paling rendah dan kemungkinan selepas kahwin responden mampu menyuruh isteri menutup aurat dengan sempurna kerana ia adalah satu tanda bahawa isterinya taat kepada Allah dan Rasul.

Jadual 6: Kriteria memilih pasangan berdasarkan faktor kenegerian

BIL	ITEM	MIN
1.	Saya memilih pasangan isteri yang tinggal sekampung.	2.5787
2.	Saya tidak berminat memilih bakal isteri daripada negeri lain.	3.2135
3.	Saya memilih calon isteri yang tinggal di bandar.	2.5281
4.	Saya berminat calon isteri yang tinggal di luar Semenanjung.	1.8764
5.	Saya sedia menerima calon isteri saya yang berasal daripada mana-mana negeri.	2.5112

Jadual 6 di atas menunjukkan taburan min responden memilih calon isteri berdasarkan aspek kenegerian (kelahiran Kelantan). Dalam aspek kenegerian, min yang paling tinggi adalah pada item tidak suka memilih isteri selain negeri asal (Kelantan) dengan kadar min=3.2135. Mungkin responden berpendapat tidak menghadapi kesukaran untuk menziarahi ibu bapa dan ahli keluarga terdekat terutamanya pada setiap minggu atau setiap bulan. Menjimatkan kos masa, perjalanan dan wang ringgit semasa balik ke rumah ibu bapa isteri atau suami kerana mereka tinggal dalam satu daerah atau satu negeri. Manakala min yang paling rendah iaitu min=1.8764 pada item berminat dengan calon isteri yang berasal dari luar Semenanjung Malaysia iaitu negeri Sabah dan Sarawak. Manakala pada min=2.5787 menunjukkan mereka suka kepada perempuan yang sekampung dan min=2.5281 menunjukkan responden lebih suka memilih perempuan yang tinggal di bandar manakala min=2.5112 menunjukkan responden tidak kisah perempuan yang ingin dijadikan isteri berasal daripada negeri mana pun. Masyarakat di Kota Bharu memilih calon isteri berasal dari Kelantan berbanding dengan negeri lain terutama di luar Semenanjung Malaysia.

Responden tidak berminat terhadap calon isteri terlalu mengikut adat sehingga tidak dapat membezakan di antara adat dan ibadat. Sesetengah negeri menetapkan hantaran diberikan kepada ibu bapa untuk urusan majlis perkahwinan. Ini berbeza dengan negeri Kelantan, memberi hak wang hantaran sepenuhnya kepada perempuan.

Berdasarkan Jadual 7, skor min paling tinggi iaitu min=4.7191 menunjukkan kaum lelaki di Kota Bharu berminat terhadap wanita masih dara sebagai isteri. Mustafa al-Khin (2005) menjelaskan maksud anak dara ialah wanita-wanita yang masih perawan, gadis suci lagi bersih, sebagaimana kesucian Maryam binti ‘Imran yang belum disentuh oleh mana-mana lelaki, walaupun dia telah melahirkan Nabi ‘Isa. Manakala min=2.3202 juga menunjukkan mereka berminat kepada perempuan masih gadis walaupun calon lelaki berstatus sudah berkahwin. Pengkaji berpendapat responden memilih calon isteri status anak dara adalah bertepatan dengan satu **hadis Rasulullah s.a.w., yang bermaksud: “Nikahlah dengan gadis perawan, kerana mereka itu lebih manis bibirnya, lebih subur rahimnya, dan redha dengan pemberian yang sedikit.”** (Hadis Riwayat Ibnu Majah). Manakala pada min 1.8652 menunjukkan mereka berminat memilih janda mempunyai anak sebagai isteri dan min=1.8989 berminat untuk menjadikan ibu tunggal sebagai isteri. Responden berpendapat mengahwini janda untuk tujuan memberikan pertolongan kepadanya seperti janda yang kehilangan suami sedangkan dia tiada tempat bergantung. Jika perkahwinan itu mempunyai hasrat menyelamatkan agamanya, itu adalah kebaikan. Ini kerana Rasulullah s.a.w juga mengahwini wanita, yang hampir kesemuanya isteri-isteri baginda berstatus janda kerana baginda ingin menolong mereka. Min paling rendah menunjukkan responden tidak berminat wanita yang pernah melakukan zina dengan min=1.4775.

Jadual 7 : Kriteria memilih pasangan berdasarkan faktor status perkahwinan

BIL	ITEM	MIN
1.	Saya memilih calon isteri yang masih gadis.	4.7191
2.	Saya berminat memilih janda yang mempunyai anak.	1.8652
3.	Saya berminat memilih ibu tunggal yang kematian suami sebagai pasangan.	1.8989
4.	Saya tidak kisah menerima pasangan yang pernah melakukan zina.	1.4775
5.	Saya sedia menerima calon isteri yang pernah berkahwin, namun masih dara.	2.3202

Berdasarkan Jadual 7 di atas dapat dirumuskan kaum lelaki di Kota Bharu lebih suka memilih calon isteri yang masih gadis (dara) berbanding dengan wanita yang pernah melakukan persetubuhan haram.

Jadual 8 menunjukkan aspek pemilihan jodoh berdasarkan faktor keibuan. Maksud bersifat keibuan dalam kajian ini ialah lemah lembut, peramah, penyayang, pandai mengambil hati suami dan anak-anak. Min tertinggi iaitu min=4.6854, menunjukkan responden sukakan calon isteri yang bersifat keibuan. Kenyataan ini selaras dengan saranan Rasulullah SAW supaya mencari calon isteri yang memiliki sifat-sifat yang penyayang. Lazimnya wanita yang bersifat penyayang mampu memberi kesan pendidikan yang baik kepada anak-anak serta kepada hati suami dan kepada ahli keluarga sebelah suami. Dalam hal ini, Nabi SAW bersabda yang bermaksud: **“Nikahilah oleh kamu terhadap wanita yang penyayang lagi subur, kerana aku akan berbangga dengan jumlah umat ku yang banyak pada hari Kiamat.”** (Hadis Sahih Muslim). Seterusnya diikuti oleh wanita yang pandai menguruskan rumahtangga dengan min kedua tinggi iaitu pada min=4.6798.

Jadual 8: Kriteria memilih pasangan berdasarkan faktor sifat keibuan

BIL	ITEM	MIN
1.	Saya suka pasangan bersikap penyayang kepada kanak-kanak.	4.4270
2.	Saya berminat terhadap calon isteri yang pandai mengurus rumahtangga.	4.6798
3.	Saya mesti memilih pasangan yang pandai memasak.	4.5730
4.	Saya minat kepada calon isteri yang bersifat keibuan.	4.6854
5.	Saya tidak suka calon isteri yang mengongkong hidup saya	4.4944

Responden yang mengatakan tidak suka kepada calon isteri yang mengongkong kaum lelaki dengan kadar min=4.4944 manakala min paling rendah iaitu pada item calon isteri suka kepada kanak-kanak pada min=4.270. Secara keseluruhan masyarakat Kota Bharu memilih calon isteri bersifat keibuan berbanding wanita yang sukakan pada kanak-kanak. Responden beranggapan bahawa wanita yang bersikap keibuan, penyayang, mempunyai sifat kesabaran yang tinggi, saling memahami keperluan suami sangat penting untuk menjaga anak yang bakal dilahirkan dan bakal mencorak rumahtangga bahagia.

Jadual 9 : Kriteria memilih pasangan berdasarkan faktor taraf pendidikan

BIL	ITEM	MIN
1.	Saya memilih calon isteri yang berpendidikan tinggi.	3.3764
2.	Saya memilih calon isteri yang mengetahui selok belok agama Islam.	4.7247
3.	Saya memilih calon isteri yang sama taraf pendidikan dengan saya.	3.1798
4.	Saya memilih calon isteri yang lebih tinggi taraf pendidikan daripada saya.	2.7416
5.	Saya tidak memperhatikan tentang pendidikan bakal isteri saya.	2.8539

Jadual 9 menunjukkan kriteria pemilihan jodoh berdasarkan taraf pendidikan. Taburan menunjukkan min tertinggi iaitu min=4.7247 yang mana responden berminat terhadap wanita yang mengetahui tentang seluk beluk agama Islam. **Sebagai lelaki dituntut mencari calon isteri yang memiliki ilmu pendidikan agama dan berakhhlak mulia** kerana wanita yang memahami selok belok agama akan mengetahui tentang tanggungjawab sebagai isteri, tanggungjawab kepada suami, tanggungjawab kepada mertua dan tanggungjawab kepada anak-anak. Wanita yang memiliki ilmu pengetahuan terutama agama Islam biasanya akan berusaha mendekatkan diri dengan Allah SWT. Ini kerana ilmu agama yang dimilikinya membimbing dirinya menjadi wanita solehah. Kenyataan ini selaras dengan satu firman Allah yang bermaksud: "**Maka wanita-wanita yang solehah ialah mereka yang taat kepada Allah lagi memelihara dirinya, oleh kerana itu Allah memelihara mereka.**" (Surah An Nisa' 4 : 34). Min kedua tertinggi pula menunjukkan responden memilih calon berpendidikan tinggi iaitu pada min=3.3764 dan min=3.1798 menunjukkan responden memilih calon yang sama taraf pendidikan. Manakala pada min=2.8539 menunjukkan responden tidak mengambil kira tentang taraf pendidikan. Min paling rendah iaitu pada min=2.7416 menunjukkan responden memilih calon isteri yang berpendidikan lebih tinggi.

Berdasarkan Jadual 10, pemilihan pasangan berdasarkan faktor pergaulan mendapati min tertinggi iaitu min=4.2697 responden suka kepada perempuan peramah dan mudah didekati. Responden berpendapat calon isteri yang bersifat peramah, berfikiran terbuka, mudah bertegur sapa, tidak sombong terhadap orang yang lebih berusia adalah ciri-ciri wanita ideal bagi membentuk rumah tangga bahagia. Sementara itu, min kedua tertinggi iaitu pada min=4.2528, menunjukkan responden lebih suka calon isteri yang berwatakkan pemikiran matang, tenang dalam semua situasi, bertoleransi terhadap orang lain, mudah memaafkan orang walaupun dia tidak bersalah

dan berusaha menyelesaikan sesuatu masalah dengan cara bersemuka. Ahmad Muhammad (2008) menjelaskan menjaga hubungan sahabat supaya tidak terguris perasaan bukanlah mudah kerana hati lazimnya dikuasai oleh emosi. Justeru, isteri yang baik ialah bersifat matang dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Jadual 10: Kriteria memilih pasangan berdasarkan faktor pergaulan

BIL	ITEM	MIN
1.	Saya suka pasangan yang suka bersosial.	1.6292
2.	Saya berminat terhadap calon isteri yang terlibat dalam politik tanah air.	2.1629
3.	Saya memilih calon isteri yang berpengaruh dalam masyarakat.	3.0955
4.	Saya memilih calon isteri yang bersifat matang dalam menyelesaikan masalah.	4.2528
5.	Saya memilih pasangan yang peramah, mesra serta mudah didekati.	4.2697

Di samping itu, responden berminat terhadap calon isteri yang berpengaruh dalam masyarakat dengan kadar min=3.0955 manakala pada min=2.1629 menunjukkan responden berminat terhadap wanita berpolitik dan min terendah iaitu min=1.6292 menunjukkan responden suka kepada wanita bersosial.

Kajian menunjukkan golongan lelaki lebih berminat memilih calon isteri yang sopan, peramah tetapi tidak terlalu sosial di dalam kehidupan seharian mereka. Pengkaji merumuskan kebarangkalian calon isteri yang sering bersosial sebelum berkahwin sukar meninggalkan tabiat aktiviti sosial yang tidak mendatangkan manfaat kepada diri sendiri akan menyusahkan kaum lelaki nanti kerana wanita lebih pentingkan aktiviti sosial di luar rumah berbanding berbakti di rumah melayan suami dan anak-anak.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirsimpulkan bahawa kaum lelaki di Kota Bharu dilihat lebih berminat mencari sendiri calon isteri tanpa dicampuri oleh pihak yang lain termasuk ibu bapa. Responden memilih calon yang mempunyai pekerjaan dan mempunyai ekonomi yang stabil berbanding ada kereta tetapi tidak mempunyai ekonomi yang stabil. Responden memilih pasangan silsilah keluarga yang baik serta wanita dari keturunan adik-beradik ramai berbanding wanita anak tunggal. Responden memilih calon wanita yang kelihatan cantik dan menarik, memilih yang beragama, taat kepada Allah, Rasul serta kepada kedua ibu bapa. Ini kerana isteri yang mempunyai kefahaman agama yang mantap adalah tungggak

kebahagiaan rumah tangga. Selanjutnya responden memilih calon isteri berasal dari negeri Kelantan, bersifat keibuan, mempunyai ilmu agama sekurang-kurangnya peringkat menengah serta berpendidikan tinggi. Di samping peramah dan dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi sosial adalah syarat kesukaan bagi kaum lelaki.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abd. Jalil Bin Mohd Hassan, (1993). *Perkahwinan Dalam Islam*. Kuala Lumpur, Penerbit A.S. Noordeen.
- Abdul Munir Ismail (2014). *Dakwah Suatu Tuntutan Dalam Islam*, Tanjung Malim, Penerbit UPSI.
- Abdul Raof Dalip, (1995). *Syarat-Syarat Nikah Menurut Islam: Memilih Jodoh*. Selangor: Percetakan Pustaka Jaya.
- Ahmad Muhammad Abdul Ghaffar (2008). Panduan Bergaul dan Memilih Teman, Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hidayatullah Mohd. Syarif Aziz, (2006). *Dara dan Teruna*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Al-Asqalani, Ibnu Hajar. (2008). *Fathul Bari*. Terj. Amiruddin. Jil. 25. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Juriah Dakir. (1996). Asas Pembentukan Keluarga Islam Menurut Perspektif Al-Quran dan As-Sunnah. *Jurnal Islamiyyat*, Jilid 17.
- Mustafa Daud (1989). *Institusi Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Damiriyy, Abu Al-Baqa' Kamaluddin Muhammad bin Musa bin Isa (2004). *Al-Najm Al-Wahhaj Fi Syarh Al-Minhaj*. Jil 7. t.th: t.th.
- Kitzmann, Cohen, and Lockwood, (2002). Are only children missing out? Comparison of the peer-related social competence of only children and siblings. *Journal of Personal and Social Relationships*, 19.
- Muhammad Ali Al-Hasyimi, (1997). *Jati Diri Wanita Muslimah*. Jakarta: Pustaka Al- Kautsar.
- Muhammad Ali Quthb, (2008). *Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.
- Al-Albani, Muhammad Nasiruddin. (1997). *Dhaif Sahih Sunan Ibnu Majah Lil Imam Al-Hafiz Abi Abdillah Muhammad Bin Yazid Al Qazwini*, Jil 2. Riyad: Maktabah Al-Ma'rif Lil Al- Nasyr Wa Al-Tauzi'.
- Muhammad Nasruddin Al-Albani. (2002). *Sahih Sunan Abi Daud*, Juz 6. Kuwait: Pencetakan dan Penerbitan Yayasan Gharas.

- Mustafa Daud, (1995). *Perkahwinan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali al-Sharbaji. (2005). *Al-Fiqh al-Manhaji; Kitab Fikah Madhab Shafî'i*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Rahman dan Aishah, (2002). *Rahsia Kebahagiaan Suami Isteri*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd.
- Salim Basyarahil, (2005). *Tuntunan Pernikahan Dan Perkawinan*. (Abdul Aziz Salim Basyarahil, Terjemahan). Jakarta: Gema Insani.
- Shamsul Munir Safani, (2011, Feb. 17) bertajuk Dibelasah Suami Depan Dua Anak dalam berita Harian Metro.
- Shaleh Ghonim As-Sadlani, (1993). *Nusyuz Konflik Suami Isteri Dan Penyelesaiannya*. (Muhammad Abdul Ghaffar & Amir Hamzah Fachruddin, Terjemahan). Jakarta: Pustaka Al- Kautsar.
- Syeikh Ali Hassan, (1991). *Munakahat Membahas Soal-Soal Perkahwinan Dan Rumah tangga*. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd.
- Wahbah al-Zuhaily. (1989). *Al-Fiqh wa Adillatuhu*, Syiria, Juz VII. Dar al-Fikr: Damsyiq.
- Wan Rahimah Wan Husain, (2012). *Asas Pemilihan Jodoh Jodoh Dalam Kalangan Masyarakat Islam di Kota Bahru*. Tanjung Malim, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI. Tesis yang tidak diterbitkan.

* Abdul Munir Ismail

Fakulti Sains Kemanusiaan, Jabatan Pengajian Islam
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak
e-mail: abdmunir@fsk.upsi.edu.my

Muhamad AR

Fakulti Tarbiyah, Universiti Islam Negeri Ar-Raniry,
Banda Aceh, Indonesia
e-mail: gso5324@yahoo.com